No. Ruj.: KKDW.100

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

MAJLIS AMANAT YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH BERSAMA KONTINJEN TVET@KKDW KE WORLDSKILLS SHANGHAI 2026

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menganjurkan Majlis Amanat YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Bersama Kontinjen TVET@KKDW ke *WorldSkills Shanghai* 2026 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada hari ini. Majlis ini bertujuan untuk menzahirkan sokongan, penghargaan serta menyuntik semangat kepada peserta, jurulatih dan pakar negara dari Kontinjen TVET@KKDW yang bakal membawa cabaran Malaysia ke *WorldSkills Competition* pentas pertandingan kemahiran berprestij di peringkat global.

Dalam amanatnya, YAB Timbalan Perdana Menteri **menyatakan keyakinan bahawa Kontinjen TVET@KKDW berpotensi melakar sejarah** dengan memenangi pingat emas pertama Malaysia di pentas WorldSkills. Beliau turut menyeru agar semua peserta terus memperkukuh kemahiran, meningkatkan disiplin serta mengekalkan fokus sepanjang tempoh persediaan berbaki dua bulan menjelang pertandingan yang akan berlangsung pada 22 hingga 27 September 2026 di Shanghai, Republik Rakyat China.

Kontinjen TVET@KKDW **diwakili sembilan (9) peserta daripada institusi TVET di bawah KKDW iaitu TVET MARA, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan GIATMARA** yang akan bertanding dalam sembilan bidang kemahiran, iaitu *Fashion Technology, Car Painting, Electronics, Cyber Security, Rail Vehicle Technology, Cabinet Making, Digital Construction, Electrical Installations dan Mechanical Engineering CAD*. Mereka turut **dibimbing oleh lapan (8) jurulatih serta tujuh (7) pakar negara daripada institusi TVET di bawah KKDW**.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen TVET@KKDW sebagai simbolik pelepasan rasmi yang membawa amanah negara, semangat patriotisme serta iringan doa seluruh rakyat Malaysia menjelang penyertaan mereka di WorldSkills Shanghai 2026. Simbolik tersebut diserikan dengan kemunculan robot humanoid milik TVET@KKDW yang dikendalikan oleh TVET Collaboration *Hub UniKL Robotics and Automation Center, UniKL Malaysia-France Institute*. Demonstrasi tersebut mencerminkan aspirasi TVET 2.0 yang menekankan penguasaan teknologi pintar, automasi dan robotik dalam melahirkan bakat masa hadapan.

Kontinjen TVET@KKDW akan bergandingan bersama 13 peserta lain dalam Kontinjen Malaysia bagi membawa cabaran negara ke *WorldSkills Shanghai 2026*. Penyertaan kali ini merupakan **yang terbesar dalam sejarah penglibatan KKDW** di pentas *WorldSkills*, sekali gus mencerminkan keupayaan ekosistem TVET di bawah kementerian dalam melahirkan tenaga mahir bertaraf dunia yang berupaya memenuhi keperluan industri masa hadapan.

KKDW komited untuk terus memperkukuh ekosistem TVET negara melalui kerjasama strategik bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) serta Kementerian Kerja Raya (KKR), industri, institusi latihan kemahiran serta rakan strategik dalam dan luar negara bagi memastikan institusi TVET@KKDW kekal relevan, berdaya saing dan mampu melahirkan tenaga mahir bertaraf dunia selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
13 JULAI 2026